

TINJAUAN TERHADAP PERLAKSANAAN PENILAIAN BERTERUSAN DALAM
MENINGKATKAN PRESTASI AKADEMIK PELAJAR MENURUT PERSEPSI
PENSYARAH DAN PELAJAR SEMESTER 2, DIPLOMA KEJURUTERAAN
AWAM, POLITEKNIK PORT DICKSON



PTTA UTHM
HAFIZAN RINA BINTI ABAS
PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN RAHMAN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00083421 2



BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

**JUDUL: TINJAUAN TERHADAP PERLAKSANAAN PENILAIAN
BERTERUSAN DALAM MENINGKATKAN PRESTASI
AKADEMIK PELAJAR MENURUT PERSEPSI PENSYARAH
DAN PELAJAR SEMESTER 2, DIPLOMA KEJURUTERAAN
AWAM, POLITEKNIK PORT DICKSON**

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

HAFIZAH RINA BINTI ABAS (781125-10-5776)

Saya

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM Sarjana-Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. ** Sila tanda (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktud di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat yang TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap

AO-4 LORONG KENANGA 2/2,

TAMAN DESA KENANGA 2,

43500 SEMENYIH SELANGOR

PN ANIKA ZAFIAH BT MOHD RUS

(Nama Penyelia)

Tarikh


26 SEPTEMBER 2002

Tarikh

29/9/02

- CATATAN**
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya kandungan karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : PUAN ANIKA ZAFIAH BINTI MOHD RUS
Tarikh : 26/11/02

PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



TINJAUAN TERHADAP PERLAKSANAAN PENILAIAN BERTERUSAN DALAM
MENINGKATKAN PRESTASI AKADEMIK PELAJAR MENURUT PERSEPSI
PENSYARAH DAN PELAJAR SEMESTER 2, DIPLOMA KEJURUTERAAN
AWAM, POLITEKNIK PORT DICKSON

HAFIZAH RINA BINTI ABAS

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER 2002



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : HAFIZAH RINA BINTI ABAS
Tarikh : 26 SEPTEMBER 2002

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



Istimewa untuk ayahanda bonda tercinta.....

Tiada kata seindah bahasa dapat anakanda lukiskan kasih sayang yang luhur. Setiap detik anakanda menghargai jasa, sokongan, pengorbanan serta doa kalian yang sepanjang hayat. Kalian sumber inspirasiku.....

Buat kekanda Along Emi sekeluarga, Kak Dik sekeluarga, Kak Ai dan adinda-adinda tersayang...

Untaian kasih antara kita terpahat selamanya.

Untukmu.....

Terima kasih atas segalanya.

Untukmu teman-teman....

Kenangan antara kita adalah yang terindah di bumi KUiTTHO



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan Projek Sarjana ini dengan jayanya.

Terlebih dahulu jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Puan Anika Zafiah Binti Mohd Rus, pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional selaku penyelia di atas bimbingan, nasihat dan dorongan yang diberikan sepanjang Projek Sarjana ini dilaksanakan.

Tidak lupa juga kepada Profesor Madya Tuan Haji Mohd Zainal bin Md Yusof dan Encik Ghazally bin Spahat selaku ahli panel VIVA yang telah memberikan cadangan-cadangan yang bernas dalam memantapkan lagi Projek Sarjana ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pentadbir, pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar Semester 2, Diploma Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson kerana telah memberi kerjasama dalam menjayakan Projek Sarjana ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada mak ayah dan keluarga serta rakan-rakan kerana banyak membantu saya semasa saya berada di sini..

Semoga Projek Sarjana ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Insya Allah

WASSALLAM

ABSTRAK

Dalam pendidikan, penilaian berterusan adalah satu usaha yang telah digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menentukan keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Ia melibatkan proses mengukur dan membuat pertimbangan untuk menentukan tahap kefahaman, kemahiran dan kebolehan pelajar berdasarkan pada objektif pembelajaran.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji ingin meninjau persepsi pensyarah dan pelajar dalam memahami penilaian berterusan dari aspek pengetahuan, pelaksanaan dan kesan-kesannya terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada Politeknik Port Dickson. Ia melibatkan 2 kumpulan sampel iaitu terdiri daripada 14 orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam dan 38 orang pelajar Semester 2, Diploma Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson.

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Melalui dapatan kajian yang didapati, kebanyakan pelajar tidak memahami dengan jelas penilaian berterusan yang dilaksanakan dalam pendidikan. Pengkaji mengandaikan bahawa pelajar-pelajar masih belum didedahkan secara meluas mengenai penilaian berterusan. Namun yang demikian, pelaksanaan penilaian berterusan ini dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Oleh yang demikian, diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang tertentu dalam memahami dan melaksanakan penilaian berterusan ini dengan sistematik.

ABSTRACT

In education, assessment is one of the effort that have been used by the Ministry of Education to measure the effectiveness of teaching and learning process. Assessment is a generic term for a set of process that measures the outcomes of student's learning in terms of knowledge acquired, understanding developed and skill gained.

This research is conducted to find out a lecturers and students perspective of knowledge, implementation and the effects of assessment to student's performance in academics. This research is focus on Polytechnic Port Dickson. It is included by 2 groups of sampel which is 14 lecturers of Civil Engineering Department and 38 students of Semester 2, Diploma in Civil Engineering, Polytechnic Port Dickson.

Whereas, the questionnaires become the instrument using in this research. All the data will be analyze using the *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Research data analyze show that all the respondent especially the students is not understand the assessment clearly. Researcher study that the students are not widely exposed about the assessment in education. By the way, data shows the implementation of assessment enhance the performance of students in academic. As far as being concern and hope that this research would help any institutions to understand and implement the assessment systematically.



PTPTA UTHM
PEPUSSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Permasalahan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Skop Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Definisi Istilah	9
1.8.1	Penilaian	9
1.8.2	Pencapaian	10
1.8.3	Persepsi	10
1.8.4	Pelajar	11
1.8.5	Pensyarah	11
1.8.6	Politeknik	11

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Penilaian Berterusan Dalam Pendidikan	12
2.3	Matlamat Penilaian Berterusan Dalam Pendidikan	14
2.4	Jenis-jenis Penilaian	16
2.4.1	Penilaian Formatif	17
2.4.2	Penilaian Sumatif	18
2.4.3	Penilaian Penempatan	19
2.4.4	Penilaian Diagnostik	19
2.5	Prinsip-prinsip Am Penilaian Dalam Pendidikan	20
2.6	Dasar-dasar Penilaian	21
2.7	Hubungkait Penilaian Berterusan dan Pembelajaran	22
2.8	Kesimpulan	24

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	25
3.2	Rekabentuk Kajian	26
3.3	Subjek dan Sumber Data	26
3.3.1	Sampel Kajian	26
3.3.2	Sumber Data	27
3.4	Instrumen Kajian	27
3.5	Kajian Rintis	30
3.6	Kerangka Kerja	30
3.7	Analisis Data	32
3.7.1	Kaedah Penganalisaan Peratusan	32
3.8	Kesimpulan	33

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	34
4.2	Analisis Hasil Dapatan	35
4.2.1	Sampel Kumpulan A	35
4.2.2	Sampel Kumpulan B	46
4.3	Kesimpulan	57



BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	58
5.2	Perbincangan	59
5.2.1	Pengetahuan Mengenai Penilaian Berterusan	59
5.2.2	Perlaksanaan Penilaian Berterusan Dalam Bilik Kuliah	60
5.2.3	Kesan-kesan Perlaksanaan Penilaian Berterusan	62
5.3	Rumusan	63
5.4	Cadangan	64
5.4.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	64
5.4.2	Politeknik	65
5.4.3	Pensyarah	65
5.5	Cadangan Lanjutan	66
5.6	Kesimpulan	67
	RUJUKAN	68
	LAMPIRAN	73



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	58
5.2	Perbincangan	59
5.2.1	Pengetahuan Mengenai Penilaian Berterusan	59
5.2.2	Perlaksanaan Penilaian Berterusan Dalam Bilik Kuliah	60
5.2.3	Kesan-kesan Perlaksanaan Penilaian Berterusan	62
5.3	Rumusan	63
5.4	Cadangan	64
5.4.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	64
5.4.2	Politeknik	65
5.4.3	Pensyarah	65
5.5	Cadangan Lanjutan	66
5.6	Kesimpulan	67
	RUJUKAN	68
	LAMPIRAN	73

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



4.6	Peratusan mengenai aspek pengetahuan pensyarah tentang penilaian berterusan dalam pendidikan	40
4.7	Peratusan mengenai pelaksanaan penilaian berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran	42
4.8	Peratusan mengenai kesan pelaksanaan penilaian berterusan dalam bilik kuliah	44
4.9	Peratusan dan kekerapan responden mengikut jantina	47
4.10	Peratusan dan kekerapan responden mengikut bangsa	47
4.11	Peratusan dan kekerapan responden mengikut jurusan	48
4.12	Peratusan dan kekerapan responden mengikut gred	49
4.13	Peratusan aspek pengetahuan pelajar mengenai penilaian berterusan	50
4.14	Peratusan persepsi pelajar tentang pelaksanaan penilaian berterusan dalam bilik kuliah	51
4.15	Peratusan aspek kesan-kesan pelaksanaan penilaian berterusan terhadap pencapaian akademik pelajar	54



SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Tahap skala likert	29
3.2	Penggabungan tahap skala likert	29
3.3	Pengiraan peratusan dapatan kajian	32
4.1	Peratusan dan kekerapan responden mengikut jantina	36
4.2	Peratusan dan kekerapan responden mengikut bangsa	37
4.3	Peratusan dan kekerapan responden mengikut jawatan pentadbiran	89
4.4	Peratusan dan kekerapan responden mengikut pengalaman berkhidmat	38
4.5	Peratusan dan kekerapan responden mengikut pengkhususan akademik	39

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kerangka Kerja	31



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Surat kebenaran kajian	73
Lampiran B	Data Statistical Package for Social Science	75
Lampiran C	Garis panduan pelaksanaan penilaian berterusan	102
Lampiran D	Borang soal selidik	110



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN**SINGKATAN****MAKSUD**

P & P	-	Pengajaran dan pembelajaran
PPD	-	Politeknik Port Dickson
SPSS	-	Statistical Package for Social Science



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Pendidikan adalah satu elemen yang penting dalam era globalisasi pada alaf 21 ini dan ia juga turut memainkan peranan utama dalam pembangunan utama masyarakat. Sistem pendidikan memerlukan usaha-usaha yang strategik untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalannya ke tahap kualiti yang tinggi dan cemerlang agar dapat menangani cabaran-cabaran pada abad ke 21.

Dalam bidang pendidikan, objektif pengajaran dan pembelajaran (P & P) merupakan satu perkara yang amat penting untuk dititikberatkan. Namun yang demikian, pencapaian bagi sesuatu objektif secara menyeluruh dalam proses P & P masih belum dapat dikenalpasti. Oleh itu, penilaian yang berterusan adalah diperlukan untuk membantu tenaga pengajar menilai kembali samada objektif tersebut dapat dicapai sepenuhnya oleh pelajar dalam proses pembelajaran.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNG AMINAH

Dalam sistem pendidikan di institusi pengajian tinggi, penilaian berterusan dianggap sebagai satu proses P & P yang penting bagi menentukan sesuatu objektif pengajaran dapat dicapai (Airasian, 1994). Penilaian berterusan adalah satu teknik atau kaedah untuk mendapatkan maklum balas daripada pelajar tentang sesuatu proses P & P di dalam situasi sesebuah kelas. Penilaian ini juga adalah lebih menjurus kepada proses yang berterusan dari awal hingga akhir pembelajaran berdasarkan kepada beberapa prinsip yang tertentu.

Menurut E. Groundlund dan Robert L.Linn (1994), prinsip-prinsip asas penilaian adalah untuk menentukan dengan jelas apa yang dinilai mempunyai keutamaan di dalam proses penilaian. Ini disokong oleh Mohd Najib Ghafar (1997) yang menyatakan bahawa sesuatu bentuk penilaian tersebut perlu dipastikan terlebih dahulu sebelum menilai kebolehan pelajar. Sesuatu kaedah penilaian yang sering dipilih adalah bergantung pada objektif, ketepatan atau kemudahannya.

Menurut Ee Ah Meng (1997), penilaian berterusan merupakan sebahagian daripada proses P & P yang boleh dilihat sebagai produk dan juga sebagai satu proses dalam bidang pendidikan. Ia melibatkan proses mengukur dan membuat pertimbangan tentang kebolehan dan keupayaan pelajar berdasarkan pada objektif yang telah ditetapkan. Secara ringkas, penilaian berterusan ini digunakan untuk mengukur atau menilai sesuatu hasil pembelajaran dan pengajaran dengan menggunakan alat penilaian yang bersesuaian.

Penilaian berterusan dalam bilik kuliah memainkan peranan yang penting bagi pensyarah dalam menilai seseorang pelajar melalui beberapa bentuk penilaian seperti kuiz yang berbentuk soalan-soalan pendek, padanan jawapan yang bersesuaian, mengisi tempat kosong, latihan penilaian berstruktur dan sebagainya. Menurut Airasian (1994), Proses penilaian ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu penilaian secara formal (*Formal Assessment*) dan penilaian secara tidak formal (*Non Formal Assessment*).

Menurut Mohd Najib Ghafar (1997), penilaian berterusan ini boleh dilakukan dalam empat jenis penilaian iaitu penilaian pra-kelayakan, penilaian sumatif, penilaian formatif dan penilaian diagnostik. Jenis-jenis penilaian berterusan ini lebih memfokuskan kepada perkembangan kognitif pelajar. Oleh yang demikian, para pensyarah boleh melihat dengan jelas tahap pencapaian pelajar-pelajar samada selan dengan objektif pengajaran yang diajar sekiranya penggunaan keempat-empat jenis penilaian ini diaplikasikan dalam proses P & P.

Rasionalnya, penilaian berterusan yang dilakukan di politeknik adalah satu teknik yang sering digunakan untuk menentukan keberkesanan sesuatu proses P & P yang telah dijalankan. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji keberkesanan pelaksanaan penilaian yang dijalankan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam proses P & P di dalam usaha untuk melahirkan individu pelajar yang cemerlang dan berketrampilan bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Politeknik merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi yang terdapat di Malaysia yang bertujuan untuk memenuhi keperluan tenaga mahir khususnya dalam bidang teknologi dan kejuruteraan. Salah satu kursus yang dijalankan di politeknik bagi menampung tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan adalah dengan menyediakan kursus Diploma Kejuruteraan Awam yang melibatkan tempoh selama 3 tahun. Selain daripada berkemahiran dan terlatih dalam bidang teknik dan vokasional, lepasan pelajar daripada kursus ini diharap mempunyai prestasi pencapaian akademik yang baik bagi membina sebuah masyarakat yang unggul dan berkemahiran di Malaysia.

Pelbagai kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif P & P di politeknik. Menurut Gagne (1974), pembelajaran adalah satu proses yang kompleks yang melibatkan pengetahuan, nilai, sikap dan tabiat yang akan mempengaruhi dalam pencapaian akademik. Oleh yang demikian, penilaian berterusan digunakan untuk merealisasikan bahawa sesuatu objektif dapat dicapai sepenuhnya dalam proses P & P.

Penilaian berterusan adalah satu proses dapatan maklumat yang digunakan dalam sesuatu keputusan pendidikan yang berkaitan dengan pelajar. Secara tidak langsung, penilaian berterusan juga akan memberikan maklumbalas daripada pelajar mengenai proses P & P sekaligus ia dapat mencapai objektif dan matlamat yang diinginkan oleh pensyarah.

Menurut Jabatan Peperiksaan Politeknik Malaysia(2002), penilaian berterusan adalah merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan yang telah ditetapkan oleh pihak akademik politeknik. Bagi kursus diploma, penilaian merangkumi 2 bahagian yang penting iaitu bahagian penilaian berterusan sebanyak 40% dan bahagian peperiksaan akhir sebanyak 60%. Pihak akademik politeknik telah menetapkan syarat bahawa semua pelajar dikehendaki lulus dalam penilaian berterusan bagi menduduki peperiksaan akhir semester.

Dalam sistem penilaian berterusan, ia melibatkan proses di dalam menentukan kualiti, harga atau nilai sesuatu benda, penilaian berterusan lebih memfokuskan kepada penyerapan kandungan pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah yang mencakupi aspek-aspek yang tertentu seperti hasil pengajaran, program pengajaran dan matlamat ke arah usaha pengajaran yang telah ditentukan.

Dalam sesuatu proses pembelajaran, seorang pensyarah akan menggunakan beberapa jenis penilaian berterusan untuk mengetahui maklum balas daripada pelajar mengenai sesuatu pengajaran yang telah dilaksanakan. Biasanya penilaian berterusan dilakukan pada sebelum atau selepas sesuatu proses pengajaran dilaksanakan.

Ini disokong oleh Najib Ghafar (1997), yang menyatakan bahawa tugas pensyarah adalah untuk melaksanakan ujian dan pengukuran. Manakala penilaian memainkan peranan yang penting kerana pensyarah perlu memastikan hasil pengajarannya melalui jenis-jenis dan kaedah penilaian dengan betul dan rapi. Pensyarah perlu membuat keputusan sebelum sesuatu proses pengajaran dijalankan iaitu berkaitan dengan tujuan, jenis-jenis penilaian dan ujian serta kaedah yang ingin digunakannya.

Oleh yang demikian, pensyarah perlu mengetahui dan membuat keputusan yang tepat dalam pemilihan yang berkaitan dengan jenis dan bentuk penilaian yang ingin dilaksanakan dalam proses P & P untuk menentukan pencapaian pelajar dalam pelajaran yang telah diajar.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, reformasi pendidikan telah berlaku pada awal kewujudannya iaitu akibat daripada tinggalan sistem pendidikan kolonial. Pada tahun 1997, satu konsep baru yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi peluang kepada para pelajar untuk mengambil peperiksaan mengikut keupayaan dan ini memberi impak yang besar kepada sistem penilaian dan sistem pembelajaran dalam institusi pendidikan. (Abdul Rahim Bin Abdul Rashid, 1997).

Menurut Najib bin Razak (1997), pendidikan tidak akan dapat membentuk minda pelajar sekiranya sistem pendidikan di Malaysia hanya berorientasikan kepada peperiksaan. Penguasaan ilmu dan kemampuan berfikir adalah digalakkan yang mana perubahan pendidikan dalam sistem peperiksaan dan penilaian adalah satu asas kepada aspek-aspek peningkatan pencapaian akademik pelajar.

Ini disokong oleh Anika Zafiah (1999) yang menyatakan bahawa penggunaan penilaian berterusan yang digunakan dalam pendidikan ini dapat meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar terutamanya di institusi pengajian tinggi seperti politeknik. Melalui penilaian berterusan ini, pensyarah akan dapat mengenalpasti kelemahan pelajar dan mengetahui tahap kefahaman pelajar terhadap pelajaran yang telah diajar.

Umumnya, sistem penilaian berterusan ini adalah satu kaedah dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan pensyarah dan juga pelajar. Sistem penilaian ini akan dapat menentukan kebolehan dan pencapaian seseorang pelajar di dalam menguasai sesuatu matapelajaran. Secara tidak lansung, penilaian berterusan ini juga akan memberi maklum balas berkaitan dengan proses P & P yang telah dijalankan di dalam sesebuah kelas.

Menurut bekas pensyarah Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Fauzan Bt Abdul Rahman dalam temubual yang dijalankan pada 23 Februari 2002, menyatakan bahawa penilaian berterusan yang dijalankan di dalam sesebuah kelas akan membantu pensyarah untuk mendapat maklum balas sekaligus membantu meningkatkan prestasi dan pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Persoalan yang wujud dalam kajian ini, sejauhmanakah pelaksanaan penilaian berterusan dalam proses P & P yang dijalankan di politeknik dapat membantu dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam proses P & P?. Namun yang demikian, perlu dipastikan bahawa pelaksanaan penilaian berterusan ini memerlukan pelaksanaan yang betul. Bagi memastikan matlamat sistem penilaian berterusan ini dicapai, pihak pensyarah dan pelajar di politeknik perlu jelas tentang konsep penilaian berterusan yang dijalankan. Pendedahan perlu diberikan di awal semester sesi pembelajaran dan pengajaran dimulakan.



PERPUSATAKAN TUNJUNG AMINAH

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah meliputi beberapa perkara iaitu mengenai persepsi pensyarah dan pelajar dalam pelaksanaan sistem penilaian berterusan yang dijalankan dalam proses pembelajaran untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar.

1. Meninjau persepsi pensyarah dan pelajar tentang pengetahuan terhadap penilaian berterusan dalam proses P & P.
2. Meninjau persepsi pensyarah dan pelajar tentang pelaksanaan penilaian berterusan dalam proses P & P
3. Meninjau persepsi pensyarah dan pelajar tentang kesan penilaian berterusan ini terhadap pencapaian akademik pelajar

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang dijalankan ini adalah lebih tertumpu pada persepsi pensyarah dan pelajar tentang pelaksanaan sistem penilaian berterusan yang dijalankan dalam proses pembelajaran dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

1. Sejauhmanakah persepsi pensyarah dan pelajar tentang pengetahuan terhadap penilaian berterusan dalam proses P & P?
2. Sejauhmanakah persepsi pensyarah dan pelajar tentang pelaksanaan penilaian berterusan dalam proses P & P?
3. Bagaimanakah persepsi pensyarah dan pelajar tentang kesan penilaian berterusan ini terhadap pencapaian akademik pelajar?

1.6 SKOP KAJIAN

Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan telah dipilih sebagai skop kajian ini. Kajian ini lebih memfokuskan kepada pelajar-pelajar daripada Semester 2, Kursus Diploma Kejuruteraan Awam sebagai sampel kajian. Selain daripada itu, pengkaji juga memilih pensyarah-pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Awam sebagai sampel bagi mendapatkan data.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan kajian yang dijalankan ini, pengkaji akan menyediakan satu garis panduan mengenai penilaian berterusan bagi mengatasi masalah pensyarah-pensyarah dan memberi pendedahan awal kepada para pelajar dalam pelaksanaan penilaian berterusan dalam proses P & P di institusi pengajian tinggi terutamanya di politeknik.

Hasil daripada dapatan kajian akan membolehkan pengkaji membuat saranan yang berguna kepada pensyarah-pensyarah di politeknik-politeknik di Malaysia, Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia. Secara tidak langsung, saranan ini akan membantu dalam meningkatkan dunia pendidikan di Malaysia.

Kajian ini juga akan mendedahkan kepada pengkaji kepada dunia pendidikan terkini yang dapat memberi persediaan kepada pengkaji apabila memasuki dunia pendidikan sebenar. Oleh yang demikian, proses membentuk individu yang lebih berkembang secara menyeluruh dan bersepadu akan menjadi lebih berkesan serta dapat direalisasikan.

1.8.2 Pencapaian

Menurut Kamus Dewan (2000), pencapaian adalah hasil perolehan setelah berusaha. Pencapaian di dalam kajian ini bermaksud markah atau tahap keputusan yang diperolehi oleh pelajar di dalam sesuatu ujian atau peperiksaan.

Urdag (1976) dalam Yusri Kamin (1997) pula menyatakan bahawa pencapaian adalah sesuatu yang didapati melalui keupayaan. Pencapaian yang dinyatakan di sini adalah menjurus kepada tahap kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik.

1.8.3 Persepsi

Menurut The New Encyclopaedia Britannica (1993) dalam Noor Hayati Mat Nor (2001), persepsi adalah "*the process whereby sensory stimulation is translated into organized for meaningful experience.*"

Manakala menurut Kamus Dewan Pelajar (1998), persepsi merupakan pandangan atau cadangan yang diberi berasaskan kepada idea sendiri tanpa dipengaruhi oleh orang lain. Manakala mengikut Kamus Dewan (2001) pula, persepsi didefinisikan sebagai pengaggapan atau pencerapan.

Dengan itu dalam kajian ini, pengkaji mendefinisikan persepsi sebagai satu pandangan individu terhadap sesuatu fenomena yang sedang berlaku atau telah berlaku.

1.8.4 Pelajar

Daripada Kamus Dewan (2000), Dewan Bahasa Dan Pustaka menyatakan bahawa pelajar adalah individu yang mengikut sesuatu ilmu dalam jangkamasa yang lama dalam memahami sesuatu perkara yang dipelajari dalam meningkatkan lagi sahsiah diri.

Dalam kajian yang dijalankan ini, pelajar adalah merujuk kepada individu yang mengikuti Kursus Diploma Kejuruteraan Awam, Semester 2, di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan.

1.8.5 Pensyarah

Dalam kajian ini, pensyarah ditakrifkan sebagai tenaga pengajar yang terlibat dalam Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson.

1.8.6 Politeknik

Ianya adalah sebuah institusi pengajian tinggi awam yang mempunyai rangkaian cawangan sebanyak 14 buah di seluruh Malaysia. Institusi ini diwujudkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan graduan-graduan daripada pelbagai bidang yang berpengetahuan tinggi terhadap teknologi dan berkebolehan dalam bidang pendidikan.

Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan adalah merupakan institusi pengajian tinggi di bawah Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia yang dipilih dalam kajian yang dijalankan ini.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, beberapa sorotan ilmiah yang terdapat dalam buku rujukan samada daripada tulisan penulis tempatan mahupun barat telah dimasukkan di dalam Bab II ini. Terdapat banyak penulisan mengenai penilaian berterusan dapat dilihat daripada sorotan penulisan yang melibatkan beberapa perkara yang tertentu iaitu jenis-jenis penilaian, dasar-dasar penilaian dan prinsip-prinsip am yang digunakan oleh pensyarah dalam proses P & P. Penggunaan pelbagai bentuk penilaian berterusan yang berkesan dan bersistematik ini akan dapat mengatasi masalah pencapaian akademik pelajar bagi sesuatu matapelajaran.

2.2 PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN

Penggunaan penilaian berterusan dalam pendidikan adalah satu kaedah yang penting dalam proses P & P untuk mendapat maklum balas daripada pelajar. Ia adalah satu intensif yang diberikan kepada pelajar untuk lebih berusaha dan berjaya. Beberapa pandangan penulis perlu diambil kira bagi membantu pengkaji menerangkan kepentingan dan hubungkait penilaian berterusan dalam pendidikan.

Menurut Abdul Rahim M. Ali (2001), beliau mendefinisikan penilaian sebagai satu proses mengukur dan membuat pertimbangan tentang kebolehan, kemahiran dan kefahaman murid berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.

Lee shok Mee dan Mok Soon Sang (1989) pula menyatakan bahawa penilaian dalam pendidikan ialah satu proses menentukan perubahan tingkahlaku seseorang individu dan membuat pertimbangan nilai. Mereka berpendapat dalam sesebuah kelas, penilaian merupakan suatu proses yang sistematik untuk menentukan pencapaian objektif pengajaran yang dicapai oleh pelajar.

Ini disokong oleh Salvia Ysseldyke (1998) yang menyatakan bahawa *“Assessment is a process of collecting data for the purpose of making decisions about individuals and groups and this decision making role is why it touches people`s lives”*. Berdasarkan pada pernyataan Salvia Ysseldyke di atas dapatlah disimpulkan bahawa penilaian adalah satu proses pengumpulan data bagi sesuatu tujuan yang melibatkan individu atau kumpulan yang tertentu.

Dalam proses pembelajaran, individu pelajar perlulah mempunyai minat terhadap sesuatu pelajaran untuk membantu di dalam pemahaman dan pencapaian akademik dalam sesebuah matapelajaran. Menurut Crow (1986), faktor minat ialah merupakan satu daya penggerak bagi menjamin kejayaan seseorang. Bagi meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran pelajar, pensyarah perlulah menggunakan kaedah dan strategi yang tertentu untuk menarik minat pelajar.

Oleh yang demikian, dalam proses pengajaran, pensyarah perlu membuat sesuatu penilaian untuk mengendalikan pengajaran di dalam kelas. Menurut pendapat Mokhtar Ismail (1995), semakin tepat pensyarah dapat menilai pelajar, semakin berkesan pensyarah dapat mengendalikan proses pembelajaran pelajar. Dengan memahami prinsip dan prosedur penilaian, dapat membantu pensyarah membuat keputusan yang bijak dalam membimbing pelajar untuk menuju kejayaan. Oleh itu, pendidik menggunakan penilaian ini untuk melaporkan prestasi akademik pelajar samada lulus atau gagal.

Menurut Omardin Ashaari dalam Mohd Afzan Ahmad (2001), biasanya pensyarah mengadakan satu bentuk penilaian pada penghujung pengajaran mereka. Penilaian berterusan yang dilakukan ini adalah untuk mengukur kemampuan, kefahaman dan kebolehan pelajar. Penilaian berterusan yang dilakukan ini juga adalah berdasarkan kepada matlamat pengajaran yang telah ditetapkan oleh pensyarah.

Bagaimanapun, secara khususnya, pencapaian dilakukan berdasarkan pada keputusan ujian atau peperiksaan. Keputusan penilaian ini dapat menentukan tahap kemajuan pelajar dalam pembelajaran mereka. Penilaian juga memberi maklum balas terhadap proses P & P yang mana ia dijadikan sebagai ukuran bagi memastikan samada objektif yang hendak dicapai itu telah berhasil ataupun sebaliknya.

Oleh yang demikian, penilaian berterusan adalah penting bagi sesebuah institusi pendidikan untuk menentukan matlamat bagi proses pembelajaran dan pengajaran dapat dicapai sepenuhnya. Ini adalah untuk merealisasikan matlamat negara Malaysia dalam melahirkan individu pelajar yang cemerlang.

2.3 MATLAMAT PENILAIAN BERTERUSAN DALAM PENDIDIKAN

Penilaian berterusan di institusi pengajian tinggi yang digunakan dalam pendidikan pada masa kini sebenarnya mempunyai beberapa matlamat. Matlamat ini adalah sebagai penggerak untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan proses P & P. Menurut Abdul Rahim M. Ali (2001), beliau menyatakan bahawa matlamat penilaian adalah sebagai penggerak, mengesan punca kelemahan (diagnostik) dan mendapatkan maklumat balik.

Ini disokong oleh penulis Indonesia iaitu Kristo (2002), bahawa tujuan penilaian berterusan ini adalah untuk menilai kekuatan dan kelemahan setiap pelajar dalam proses pembelajaran. Selain daripada itu, beliau juga berpendapat bahawa penilaian akan dapat mengawal perkembangan pelajar dalam proses pembelajaran.

Terdapat beberapa sebab atau tujuan penilaian berterusan dilaksanakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Menurut Slavin (1986) dalam Asmelinda Ismail (2001), menyatakan bahawa terdapat lima sebab utama penilaian diadakan iaitu:

- a. Memberi intensif kepada pelajar untuk lebih berusaha dan berjaya. Mengikut teori pengharapan, seseorang pelajar yang menganggap kejayaan banyak bergantung kepada usaha dalam menghasilkan kejayaan yang akan melipat gandakan usaha mereka. Ia adalah penggerak supaya murid mengulang-kaji dan belajar secara tidak langsung akan berlaku pertambahan ilmu dan pengetahuan.
- b. Memberi maklum balas kepada pelajar. Pelajar harus tahu bahawa hasil pembelajaran adalah untuk menilai kekuatan dan kelemahan mereka. Maklum balas penilaian mestilah setepat mungkin. Pelajar yang menerima pelbagai bentuk gred dan komen daripada pensyarah didapati lebih berjaya pada masa akan datang berbanding pelajar yang hanya menerima keputusan dalam satu bentuk gred sahaja.
- c. Memberi maklum balas kepada pensyarah. Pensyarah mestilah mengesan kejayaan sesebuah pengajaran. Penggunaan pemerhatian yang tidak formal tidak memungkinkan pensyarah mengesan dengan tepat kesan pengajaran mereka. Kesilapan utama pensyarah adalah membuat anggapan bahawa tidak terdapat masalah pembelajaran kerana proses pengajaran begitu lancar. Oleh yang demikian, penilaian formal dan sistematik adalah diperlukan.
- d. Memberi maklum balas kepada ibu bapa atau penjaga. Penilaian yang dilaksanakan akan diberikan kepada penjaga yang ingin mengetahui perkembangan pembelajaran anak-anak mereka. Dengan itu mereka boleh membantu proses pembelajaran di rumah. Secara tidak langsung, penilaian berterusan bertindak sebagai instensif untuk berjaya sekiranya ibubapa atau penjaga bertindak dengan tepat apabila menerima laporan prestasi anak mereka. Mereka amat berminat menjalankan proses pemulihan atau pengkayaan ilmu untuk anak-anak mereka selepas memperolehi maklum balas penilaian daripada pensyarah.

- e. Membantu pemilihan pembelajaran lanjutan. Keupayaan dan kemahiran pelajar berbeza diantara individu dengan individu yang lain. Penempatan mereka untuk menyambung pelajaran atau mendapat pekerjaan selepas belajar dalam masyarakat memerlukan penilaian yang objektif. Kebolehan mereka boleh disalurkan ke dalam bidang tertentu yang mereka minat.

Oleh yang demikian, berdasarkan pada matlamat penilaian berterusan dalam pendidikan ini, semua pihak yang terlibat terutamanya pensyarah dan pelajar tidak ketinggalan juga ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting bagi memastikan pencapaian akademik seseorang pelajar itu meningkat dan berkualiti dalam memenuhi tenaga kerja pada masa akan datang.

2.4 JENIS-JENIS PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN

Pengukuran yang menggunakan ujian menghasilkan satu status data yang boleh dijadikan asas untuk sesuatu penilaian. Penilaian diperluaskan untuk memajukan proses P & P. Ia dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas sesuatu proses pengajaran dilakukan.

Menurut Mohd Najib Ghafar (1997), beliau berpendapat bahawa matlamat pengajaran adalah untuk membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan menunjukkan perubahan tingkahlaku sepertimana yang dikehendaki oleh pendidik seperti guru atau pensyarah.

Dalam hal ini, beliau juga berpendapat bahawa proses penilaian berterusan ini boleh dikategorikan kepada empat jenis berdasarkan pada fungsi dan waktu ia ditadbirkan dalam P & P bilik kuliah.

Terdapat beberapa jenis penilaian iaitu penilaian penempatan, penilaian formatik, penilaian sumatif dan penilaian diagnostik. Pensyarah biasanya akan meninjau tahap kesediaan pelajar dalam pembelajaran dan meninjau proses pengajaran yang efektif.

2.4.1 Penilaian Formatif

Penilaian formatif adalah penilaian yang dilakukan sepanjang proses pembelajaran. Aspek penilaian antara lain adalah seperti pemerhatian, penilaian lisan, penilaian praktik, penilaian bertulis dan penilaian gerko. Penilaian ini dilakukan dengan dua cara iaitu tidak formal dan formal. Penilaian secara tidak formal adalah melalui pemerhatian dan kerja latihan. Penilaian formal pula melibatkan langkah-langkah penilaian pelajaran yang dikehendaki.

Menurut pandangan Mohamed Najib Abdul Ghafar (1997), beliau berpendapat bahawa penilaian formatif dijalankan semasa proses sesuatu kegiatan atau aktiviti sedang berlangsung. Ia seringkali digunakan dalam P & P yang memerlukan penilaian berpanjangan dalam setiap tahap pengajaran isi kandungan silibus atau kursus.

Penilaian formatif ini berperanan untuk mengawasi proses pembelajaran semasa dan sepanjang proses pengajaran dijalankan. Penilaian ini merupakan ujian semasa pengajaran yang akan memberi maklum balas tentang kejayaan atau kegagalan pembelajaran secara berterusan. Penilaian formatif ini juga akan membantu pensyarah membuat keputusan bagi tujuan perkembangan pengajaran seperti soal jawab dalam bilik kuliah, kuiz atau ujian pendek bulanan.

Biasanya, penilaian formatif ini diadakan dari semasa ke semasa apabila pensyarah telah selesai melaksanakan sesi pengajaran. Keputusan penilaian formatif tidak bertujuan digunakan untuk pemeringkatan atau perbandingan diantara seorang pelajar dengan pelajar lain.

Walaupun bagaimanapun, maklumat penilaian ini memberi petanda berhubung dengan kemajuan proses pembelajaran murid dan keberkesanan pengajaran pensyarah. Dengan penilaian ini, pensyarah boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan pelajar dan memperbaiki mutu pengajarannya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa jenis penilaian berterusan ini berfungsi untuk memastikan kemajuan pembelajaran selain daripada memberi maklum balas untuk menguatkan pembelajaran dan membetulkan kesilapan penuntut.

2.4.2 Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif adalah satu penilaian yang dilakukan pada akhir sesuatu tempoh pembelajaran. Biasanya ia diuji bagi keseluruhan terhadap bidang dan isi pelajaran. Ia selalu digunakan untuk menentukan gred di akhir kursus atau menentukan penguasaan berasaskan kehendak pengajaran sesuatu tajuk. Ujian pada akhir semester adalah merupakan salah satu contoh penilaian sumatif yang biasa digunakan dalam pendidikan.

Ini turut disokong oleh Mohamed Najib Ghafar (1997), bahawa penilaian sumatif diadakan pada peringkat akhir dalam sesuatu proses P & P. Penilaian jenis ini berperanan untuk menilai pencapaian akhir pengajaran dan kerap digunakan untuk menetapkan gred di akhir pengajaran dan menentukan penguasaan nilai pengajaran.

Walaupun penilaian sumatif dalam bentuk peperiksaan telah menerima banyak kritikan kerana telah menyebabkan kerisauan dikalangan pelajar terhadap pelajaran atau menyebabkan masyarakat terlalu mementingkan peperiksaan. Namun yang demikian, penilaian sumatif masih lagi merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan.

Penilaian sumatif ini biasanya digunakan untuk menentukan pencapaian pelajar dalam proses pembelajaran. Ini disokong berdasarkan pandangan Mok Soon Sang (2000) yang menyatakan bahawa penilaian sumatif melibatkan aktiviti pengujian dan pengukuran berdasarkan kepada beberapa unit pembelajaran. Biasanya, penilaian ini akan diadakan dalam tempoh tertentu seperti satu tahun, satu semester ataupun setengah tahun. Cara penilaian adalah berbentuk formal iaitu dengan menggunakan ujian kertas pensel, peperiksaan amali atau bertulis, skala kadar ataupun senarai semak.

Oleh itu, penilaian sumatif ini dijalankan untuk menentukan pencapaian pelajar dalam beberapa unit tertentu. Ia dilakukan secara formal dalam bentuk peperiksaan pada suatu tempoh masa yang telah ditetapkan pada sesi persekolahan mahupun tempoh pembelajaran di institusi pengajian tinggi.

2.4.3 Penilaian penempatan

Penilaian jenis ini adalah untuk menentukan kebolehan pelajar pada awal atau sebelum proses pengajaran. Ujian ini boleh membantu guru menentukan corak pengajaran yang berkesan untuk setiap individu. Ini kerana terdapat beberapa jenis pelajar yang berbeza-beza tahap pemikiran dan pemahaman seperti contoh terdapat pelajar yang masih mempunyai asas yang cetek atau sudahpun mendapat pendedahan isi kandungan kursus; ada pelajar yang cekap dalam mengira tetapi tidak dalam menghafal; ada pelajar yang memerlukan tempat duduk di hadapan bilik darjah kerana penglihatannya kurang jelas.

Merujuk pada Mokhtar Ismail (1995), penilaian ini merupakan satu pemerhatian yang tidak formal mengenai kebolehan pelajar seperti pemerhatian gerak balas dan gerak geri pelajar semasa proses pengajaran bermula. Albert Oosterhof (1994) bersependapat dengan Mokhtar Ismail (1995) yang menyatakan bahawa penilaian ini perlu dilaksanakan setiap kali perjumpaan dengan pelajar semasa proses P & P bermula. Dengan itu penilaian ini memainkan peranan yang penting dalam proses P & P.

2.4.4 Penilaian diagnostik.

Penilaian jenis ini adalah untuk menentukan kesukaran atau masalah pembelajaran semasa proses pengajaran. Ia lebih khusus daripada ujian formatif. Ujian ini boleh digunakan untuk menentukan masalah pelajar yang konsisten. Penilaian ini digunakan untuk mengetahui dan membetulkan kelemahan dan kesalahan pelajar dalam sesuatu mata pelajaran.

Berdasarkan pada pandangan Mohamed Najib Ghafar (1997), beliau berpendapat bahawa penilaian diagnostik diadakan untuk tujuan rawatan dan pemulihan kesukaran pembelajaran bagi seseorang individu pelajar. Sebagai contoh, ujian formatif diandaikan sebagai rawatan pertama sebaliknya ujian diagnostik

adalah rawatan lanjutan intensif untuk mengetahui masalah di belakang kesukaran belajar.

Melalui beberapa siri kuiz, guru boleh menyedari kesilapan konsisten pelajar. Sebagai contoh, pelajar mungkin menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan atom dan guru boleh mengadakan ujian diagnostik untuk menentukan punca masalah kerana ia mungkin disebabkan oleh kesalahan konsep pelajaran.

Namun yang demikian, umumnya pensyarah tidak menjalankan penilaian diagnostik ini kerana ia memakan masa yang agak lama. Oleh itu, penilaian ini jarang dilakukan melainkan ia bertujuan untuk mencari mengapa kesukaran berlaku dan wujud dalam proses P & P di dalam sesebuah kelas.

2.5 PRINSIP-PRINSIP AM PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN

Menurut pendapat Norman E. Gronlund dan Robert L. Linn (1995), penilaian merupakan satu proses yang lengkap untuk pelajar melanjutkan pembelajaran dan perkembangan. Proses ini akan menjadi lebih efektif sekiranya prinsip-prinsip penilaian dilakukan.

Dalam prinsip-prinsip am penilaian, Airasian (1994) menyarankan beberapa prinsip-prinsip am yang boleh digunakan untuk panduan interpretasi maklumat dalam penilaian berterusan yang dijalankan di dalam bilik kuliah (Airasian, 1997; Nitko, 1983) iaitu:

- a. Maklumat penilaian menggambarkan tingkah laku dan penentuan status terhadap pelajar.
- b. Maklumat penilaian membekalkan satu anggaran yang tidak menunjukkan penanda yang betul ke atas prestij penuntut.

- c. Penilaian sehalu tanpa penilaian pakar luar merupakan satu dasar yang lemah untuk membuat keputusan penting terhadap pelajar.
- d. Penilaian tidak selalunya memberi maklumat yang sah.
- e. Maklumat penilaian hanya menggambarkan sesuatu kejayaan pelajar tetapi tidak memberi sesuatu penjelasan tentang sebab-sebab pelajar melakukannya.

Secara umumnya, prinsip-prinsip am penilaian dibabitkan dengan menentukan dengan jelas apa yang akan dinilai itu mempunyai keutamaan yang penting di dalam proses penilaian. Justeru itu, sebelum memilih penilaian berterusan yang ingin digunakan, pensyarah perlu mengetahui dengan jelas mengenai matlamat proses pembelajaran dan pengajaran yang akan diajar kepada pelajar.

2.6 DASAR-DASAR PENILAIAN

Dalam sesuatu penilaian, terdapat beberapa dasar yang perlu dikenalpasti untuk mendapat hasil yang memuaskan. Dasar-dasar penilaian yang digunakan dalam pendidikan ini perlu untuk memastikan bahawa segala proses P & P dapat dicapai sepenuhnya oleh pensyarah dan juga pelajar. Dasar-dasar yang diketengahkan ini adalah berkaitan dengan konsep dan juga proses penilaian berterusan itu sendiri.

Menurut pandangan Ralph W. Tyler (1902) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa dasar yang berkaitan dengan penilaian iaitu:

- a. Proses penilaian merupakan satu proses bagi memastikan sejauhmana objektif P & P dapat dicapai melalui sesebuah program kurikulum.
- b. Konsep penilaian terdiri daripada dua aspek yang mustahak iaitu:
 - i. Mengkaji tingkahlaku pelajar kerana perubahan dalam tingkahlaku inilah yang dicari dalam pendidikan. Objektif P & P adalah untuk

melahirkan perubahan dalam tingkahlaku dan perlakuan serta pemikiran yang sebenar.

- ii. Mengkaji lebih daripada satu aspek dalam satu-satu masa untuk melihat perubahan yang berlaku. Jadi, penilaian perlu dilakukan pada peringkat awal pengajaran hingga ke peringkat akhir. Namun yang demikian, penilaian tidak dapat menilai sesuatu program pengajaran hanya dengan menguji pelajar pada peringkat akhir sesuatu program.
- c. Penilaian membabitkan bukti terhadap perubahan tingkahlaku pelajar. Oleh itu, ia memerlukan suatu kaedah yang munasabah untuk menjalankan penilaian. Dengan adanya cara yang sesuai, kita boleh mendapat bukti yang sah mengenai perubahan yang berlaku kepada pelajar.
- d. Dalam proses penilaian, persampelan merupakan satu lagi aspek asas. Misalnya perkara yang berkaitan dengan pencapaian pengetahuan pelajar. Kita tidak dapat menyoal semua fakta, prinsip dan konsep yang telah dipelajari oleh pelajar tetapi hanya boleh memilih perkara-perkara yang penting sahaja.

Oleh yang demikian, dasar-dasar ini perlu dititikberatkan oleh pensyarah sebelum penilaian berterusan dijalankan dalam sesebuah untuk mendapatkan hasil pencapaian pelajar yang memuaskan.

2.7 HUBUNGKAIT PENILAIAN BERTERUSAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam pembelajaran, penilaian adalah salah satu cara untuk menentukan tahap kefahaman seseorang pelajar terhadap pelajaran yang telah diajar. Menurut Ee Ah Meng (1997), penilaian berterusan merupakan sebahagian daripada proses P & P yang boleh dilihat sebagai produk dan juga sebagai satu proses dalam bidang pendidikan. Penilaian berterusan ini digunakan untuk mengukur atau menilai sesuatu

hasil pembelajaran dan pengajaran dengan menggunakan alat penilaian yang bersesuaian.

Penilaian berterusan dalam bilik kuliah memainkan peranan yang penting bagi pensyarah dalam menilai seseorang pelajar melalui beberapa bentuk penilaian seperti kuiz yang berbentuk soalan-soalan pendek, padanan jawapan yang bersesuaian, mengisi tempat kosong, latihan penilaian berstruktur dan sebagainya.

Menurut Baron (1995), beliau menyatakan bahawa terdapat hubungan antara penilaian berterusan dan pembelajaran. Ini berikutan dengan adanya konsep mengaitkan pelajaran yang telah dipelajari dengan soalan-soalan penilaian yang diberikan oleh pensyarah. Secara tidak langsung, ini akan menaikkan tahap kemahiran berfikir pelajar.

Selain daripada itu, maklumat penilaian ini memberi petanda berhubung dengan kemajuan proses pembelajaran murid. Dengan penilain ini, pensyarah boleh membaiki kelemahan-kelemahan pelajar dan memperbaiki mutu pengajarannya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa jenis penilaian berterusan ini berfungsi untuk memastikan kemajuan pembelajaran selain daripada memberi maklum balas untuk menguatkan pembelajaran dan membetulkan kesilapan penuntut.

Menurut Alex (2002), penilaian berterusan yang dijalankan akan membolehkan pelajar dapat mempertingkatkan keupayaan mereka dalam pelajaran. Ini kerana, dengan penilaian berterusan yang dijalankan ia akan dapat membantu pelajar dalam kemahiran berfikir. Secara tidak langsung, proses P & P yang dijalankan tidak hanya pada '*exam oriented*' sahaja.

Penyataan ini turut disokong oleh Abdul Rahim Abdul Rasyid (1997) yang menyatakan bahawa daripada sudut sosiologi, konsep pendidikan yang mengalami reformasi akan mendorong kepada satu corak '*class struggle*' yang lebih ketara iaitu mencerminkan kepada persaingan dalam pendidikan dalam negara.

2.8 KESIMPULAN

Mengikut kekerapan, penilaian dijalankan dari tahun ke tahun dalam sesebuah institusi pendidikan seperti Politeknik. Ia bertujuan untuk memberi maklumat tentang tahap kemajuan yang telah dicapai oleh pelajar.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat pelbagai cara untuk mendapatkan bukti yang sah tentang perubahan pelajar. Cara untuk mendapatkan bukti yang sah tentang tingkahlaku yang diwakili oleh objektif P & P bagi sesebuah institusi pendidikan adalah prosedur penilaian berterusan yang bersesuaian.



RUJUKAN

Abdul Rahim M. Ali (2001), *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI*. Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd

Abdul Rahim Bin Abdul Rashid (1997). *Reformasi Sistem Peperiksaan dan Pembaharuan Sistem Persekolahan: Kurikulum Sekolah Diubah Lagi*. Massa, Bil 90. 7 Jun 1997

Alex Ip (2002). *Connecting Assessment and Learning*. (Carian pada 13 September 2002) <http://www.cdtl.nus.edu.sg/ideas.htm>

American Federation of Teachers, National Council on Measurement in Education. National Education Association (1990). *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment For Student*. (Carian pada 16 Ogos) <http://www.unl.edu/buros/article3.html>

Anika Zafiah (1999). *Using Assessment to Enhancing Quality of Student Performance*. ITTHO, Johor.

Asmelinda Ismail, Bahariatulaini Badri dan FaizatulAmla Abd Hamid. (2001). *Perlaksanaan Sistem Penilaian Bestari: Satu Tinjauan Ke atas Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Temenggung Ibrahim, Batu Pahat Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, Pontian Johor*. KUITTHO, Batu Pahat, Johor.

Baron JB (1995). *How Students Learn: Reforming Schools through Learner-Centered Education*. Washington, DC: American Psychological Association

Brodin Homepages. *Politeknik Shah Alam* (Carian pada 6/2/2002).
<http://www.geocities.com/SiliconValley/Screen/8337/sistempebelajaran.htm>

Crow (1986). *Attitudes In Design Education*. Design Education In Practice

Ee Ah Meng (1997). *Pedagogi III: Pengujian dan Penilaian, Pemulihan, Pengayaan dan Pendidikan Inklusif*. Fajar Bakti Sdn Bhd., Shah Alam.

Edward John (2001). *Penilaian Pensyarah Penyelia Terhadap Pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn Dalam Latihan Mengajar*. KUiTTHO, Batu Pahat Johor.

Fauzan Abdul Rahman (2002). KUiTTHO, Batu Pahat Johor. (Temubual pada 23 Februari 2002).

Gagne RM (1974). *Essentials of Learning For Instruction*. New York Dryden Press.

Jabatan Peperiksaan Politeknik Malaysia (2002). *Sistem Penilaian Politeknik Malaysia*. (Carian pada 18 September 2002). <http://psp.edu.my/psp/ExamBM-Nilai.htm>

Kamus Dewan Pelajar (1998) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Kamus Dewan (2000). *Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kenneth D. Bailey (1992). *Methods of Social Research*. The Press, New York.

Kerlinger K.N.C (1970). *Foundation of Behavioral Research*, Fort Worth: Holt, Rinehart & Winstons.



PTT A UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

- Lee Shok Mee dan Mok Soon Sang (1989). *Pengujian dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Kumpulan Budiman Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Mc Millan, James H (2000). *Fundamental assessment Principles for Teachers and School Administrators*. Practical Assessment Research and Evaluation, 7(8). (Carian pada 16 Ogos 2002) <http://ericae.net/pare/getvn.asp>
- Mohd Majid bin Mohd Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd Najib Ghafar (1997). *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Mohd Najib Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Mohd Salleh Abu & Zaidatur Tasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: Spss 10.0 for Windows*. Intan Spektra. Kuala Lumpur
- Mokhtar Ismail (1995). *Penilaian di Bilik Darjah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang (2000). *Ilmu Pendidikan Untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Najib Bin Razak (1997). *Tanpa Pembaharuan Kita Ketinggalan*. Massa Bil 91. 14 Jun 1997

PTT AUTHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Nor Hayati Mat Nor (2001). *Persepsi Pelajar, Guru dan Pihak Pengurusan Sekolah Terhadap Pelaksanaan Program Sijil Kemahiran: Satu Tinjauan di 2 Buah Sekolah Teknik di Johor*. KUiTTHO, Batu Pahat, Johor

Norman E. Gronlund and Robert L. Linn (1994). *Measurement and Assessment in Teaching*. 6th Edition. Prentice-Hall inc, New Jersey.

Norman E. Gronlund and Robert L. Linn (1995). *Measurement and Assessment in Teaching*. 7th Edition. Prentice-Hall inc, New Jersey.

Noor Afzan Ahmad, Noorhayati Yahya dan Tan May Ling (2001). *Penggunaan Jenis-jenis Penilaian Oleh Pensyarah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik, Ungku Omar Perak*. KUiTTHO, Batu Pahat Johor.

Omardin Shaari (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Oosterhof, Albert (1994). *Classroom Application of Educational Measurement*. 2nd Edition. Macmillan College Publishing Company, United States of Amerika.

Peter W. Airasian (1994). *Classroom Assessment*. 2nd Edition. McGraw-Hill Inc, New York.

Peter W. Airasian (1997). *Classroom Assessment*. 3rd Edition. McGraw-Hill Inc, New York.

QAA Code of practice for Assessment of Students. (Carian pada 20 Ogos 2002)

www.qaa.ac.uk/public/COP/COPaosfinal/contents.htm

Ralph W. Tyler: diterjemah oleh Haji Kamaruddin dan Ahzil Abdul Hamid (1997). ***Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran***. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Rules and Regulations for Students (Carian pada 20 Ogos 2002)
www.bris.ac.uk/Depts/Secretary/srrtofc.htm

The New Encyclopedia Britannica (1993). Micropeadia Realy Reference.

Thomas Kristo (2002). ***ASSESSMENT: Pelatihan Ketrampilan Proser IPA***.
 (Carian pada 23/1/2002) <http://www.Laporan2.com.my>

Universiti of Bristol. Plenary Group of Faculty Quality assurance Teams (2002)
Assessment Guidelines (Carian pada 16 Ogos 2002)
www.bris.ac.uk/tsu/Ita/assessment/assguide.html.assessment/assguide.com

Wiersma William (1995). ***Research Methods In Education***. 6th Edition Boston Allyn and Bacon

Yusri Kamin (1997). ***Mengenalpasti Kefahaman Konsep Geometri Satah di Kalangan Pelajar Dalam Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan***. Kertas Kerja di Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Zuraidah (1999). ***Tinjauan Keatas Kesesuaian Kurikulum Pedagogi Skim Latihan Tenaga Pemnsyarah Politeknik di ITTHO***. Kajian Kes Ijazah Sarjana Pendidikan ITTHO. Jabatan Pendidikan dan Kemanusiaan ITTHO, Batu Pahat.



PTTA UTM
 PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH